

08/11/2003

MMP rayu kerajaan tambah pawagam

Akmal Abdullah

KEMUNCULAN syarikat filem, Metrowealth Movies Productions (MMP), nyata memberi impak kuat dalam industri filem di Malaysia kerana dalam tempoh tiga tahun ia menghasilkan 11 filem cereka. Namun, MMP pada peringkat awal kemunculannya menghadapi situasi perit apabila tiga filem bukan saja kecundang di pawagam tetapi dikritik peminat dan wartawan. MMP terus bertatih untuk membuktikan mereka memang serius dalam arena perfileman. AKMAL ABDULLAH meninjau pandangan Penerbit MMP, David Teo mengenai perancangan, misi dan hala tuju syarikat itu.

PERSADA SENI (PS): Nampaknya kejayaan sudah berpihak pada MMP apabila beberapa filem mampu mencapai kutipan box-office. Secara kesimpulan, bagaimana pencapaian MMP setakat ini?

DAVID: MMP memang pernah rugi besar tetapi masa itu keyakinan saya ialah apabila sudah rugi besar, ia beri semangat lebih besar untuk kita lebih yakin dan mendapatkan semula apa yang kehilangan itu. Kita terpaksa bekerja kuat siang malam mengatur strategi dan kini hasilnya mula nampak. Semangat kuat penting. Ini juga satu nasihat kepada penerbit baru. Ingat, permulaan yang kecundang bukan penutup segala-galanya.

Sekarang MMP boleh dikatakan mencipta rekod dalam industri filem. Sejak MMP wujudkan filem pertama pada 2000 hingga bulan ini, kita mampu hasilkan 11 filem. Maknanya, dalam tempoh tiga tahun kita buat 11 judul filem cereka. Rasanya banyak syarikat lain hanya buat satu filem setahun. Kita mampu buat filem bukan kerana modal saja tetapi keberanian dan yakin dengan industri ini.

PS: Bagaimana kutipan filem terbaru MMP, Cinta Kolesterol?

DAVID: Saya bersyukur kerana kutipan filem ini begitu baik. Kutipan kasar filem ini dalam tempoh lebih sebulan ialah RM3.7 juta dan kita jual hak cipta VCD dengan RM450,000. Terima kasih kepada semua pihak termasuk media dan peminat yang menyokong filem Cinta Kolesterol.

PS: Bagaimana saudara melihat suasana industri filem tempatan ketika ini? Sejauh mana potensinya untuk masa depan sinema Malaysia?

DAVID: Saya pernah cakap tahun lalu kita mampu capai 30 filem setahun. Tapi, masa itu orang ketawa. Sekarang kita boleh lihat industri filem sudah meriah dan ada hampir 30 filem dalam produksi, sedang tunggu tayangan, buat penggambaran atau pada peringkat praproduksi. Saya yakin industri filem kita mula cerah kembali, amat memberangsangkan.

Tapi, kita kena hati-hati buat filem. Jangan hanya ikut orang lain, kita terus buat filem. Buat filem kena ada rancangan teliti, harus berani buat kelainan untuk buat genre baru. Seperti MMP, kita buat filem Mistik selepas 20 tahun tidak ada penerbit berani hasilkan filem suspen thriller. Selepas itu, ramai ikut buat cerita seram. Cinta Kolesterol juga ada pembaharuan dengan mengguna teknologi solekan latex foam, begitu juga filem terbaru kita, Hingga Hujung Nyawa, menerusi solekan khas menggunakan silikon. Filem Jutawan Fakir pula dalam genre komik komedi. Konsep filem kita lain daripada yang lain. Ini mampu beri daya tarikan untuk penonton.

PS: Apakah punca atau antara masalah yang saudara lihat dalam industri filem tempatan?

DAVID: Dalam industri ini wujud dua golongan orang filem iaitu generasi lama penerbit dan pengarah. Mereka hanya buat satu filem dalam tempoh masa tertentu atau satu tahun, satu filem. Golongan kedua pula ialah generasi pengarah baru yang diberi peluang lebih kerap untuk terus mengarah filem. MMP juga beri peluang kepada pengarah baru seperti Prof Madya Razak

Mohaideen, begitu juga Tayangan Unggul, Nizarman, Grand Brilliance dan Kuasatek Pictures yang beri peluang kepada muka baru.

Industri filem di Malaysia sedang alami perubahan zaman, antara orang baru dan orang lama. Ia juga zaman kebangkitan generasi baru. Hal ini seperti bidang muzik apabila sekarang ramai orang suka lagu yang catchy dan bukan lagu `meleleh' atau mendayu-dayu. Generasi penonton ke pawagam juga adalah kelompok baru. Zaman P Ramlee juga adalah zaman baru dalam industri filem era 50-an dan 60-an. Trend baru masa itu berbeza berbanding filem Melayu hasil kerja pengarah India.

P Ramlee pun ikut perubahan zaman. Dia juga ubah trend yang sesuai dengan kehendak masyarakat masa itu. Kita kena terima hakikat perubahan zaman dalam industri filem. Begitu juga pelakon, jika tidak buat sesuatu pada pelakon, mereka akan bosan. Pelakon harus tampil berbeza dalam setiap filemnya.

Masalahnya sekarang tidak ramai penerbit atau pengarah yang berani buat perubahan. Mereka tidak mahu ikut suasana. Orang lama seperti tidak boleh terima perubahan ini. Ada juga pihak cuba mainkan isu yang tidak ada kena mengena dalam industri seperti hal perkauman dan serangan peribadi kerana berlaku persaingan. Ada pihak seolah-olah tidak senang dengan saya sebagai orang Cina menjadi penerbit filem Melayu.

PS: Mungkin MMMP mahu jadi jelmaan semula Shaw Brothers atau Cathay Keris seperti zaman kegemilangan filem Melayu era 50-an?

DAVID: Saya tidak pernah tahu sejarah dua syarikat itu. Apabila kita mahu sertai bidang ini kita lihat industri filem di Malaysia sedang sesak nafas dan kegiatan buat filem tidak aktif. Kita rasa bertanggungjawab untuk bantu industri ini kerana meminati bidang ini. Saya tidak pernah terfikir mahu ikut jejak Shaw atau Cathay tetapi saya mencontohi syarikat filem di Singapura, Rain Tree yang berjaya membawa filemnya ke pasaran luar terutama di Hong Kong.

PS: Sejauh mana saudara lihat sokongan kerajaan untuk industri filem?

DAVID: Peringkat awal kita sertai bidang filem kerana tahu ada sokongan kerajaan. Beberapa bantuan yang diberikan memberi semangat kepada penerbit untuk berani melabur. Antara bantuan itu ialah pulangan rebet cukai untuk filem tempatan. Kita dapat semula 25 peratus cukai daripada kutipan bersih di pawagam, selain bantuan Skim Kemudahan Produksi dan Skim Wajib Tayang yang dikendalikan Finas. Finas juga banyak memberi tunjuk ajar dan membantu bawa filem ke festival luar negara atau pasar filem. Syukur 21, filem sulung MMP dibawa ke Festival Filem Pyongyang dan Finas beri peluang kepada penerbit untuk sertai pasar filem di Hong Kong. Kita begitu berterima kasih kepada bekas Perdana Menteri, Tun Dr Mahathir Mohamad yang memberi perhatian dalam industri filem termasuk seperti apa yang dibentang dalam Bajet 2004.

PS: Harapan saudara dan warga filem lain terhadap Perdana Menteri baru?

DAVID: Sudah tentu saya dan juga orang filem lain yakin dengan Pak Lah (Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi) sebab sebelum ini kepemimpinannya juga sudah terbukti. Saya sejak zaman sekolah sudah kenal PM baru kita ini sebab dia sudah lama menjadi menteri dan menunjukkan minat terhadap bidang seni hiburan. Saya percaya orang filem juga akan selesa dengan gaya kepemimpinannya. Sudah tentu kita harap Pak Lah dapat beri perhatian secara lebih serius terhadap industri filem. Kerajaan boleh tingkatkan bantuan untuk filem tempatan dari segi penambahan jumlah pawagam.

Industri filem sekarang hadapi masalah pawagam yang tidak mencukupi. Ramai lagi orang yang hendak menonton filem Melayu tetapi tidak banyak kemudahan. Pawagam hanya ada di bandar besar. Dulu kita ada beratus-ratus pawagam sekarang panggung berangkai seperti GSC, TGV, Mega Pavilion dan Metrowealth Sinepleks hanya ada sekitar 30 pawagam. Pawagam bebas cuma sekitar 15 buah. Ini tidak cukup sebab penduduk di bandar kecil seperti

Segamat, Muar, Kluang, Langkawi, Kubang Pasu, Padang Terap tidak ada panggung. Malah di Kelantan, Terengganu dan Perlis begitu sedikit pawagam.

Kita minta dan rayu kerajaan mengatasi masalah ini sebab tidak ramai yang berani melabur buat pawagam. Mungkin kerajaan boleh beri subsidi untuk mereka yang ceburi perniagaan pawagam. Ini penting demi masa depan filem Malaysia dan kita mahu wujudkan budaya menonton filem secara sihat di kalangan masyarakat kita. Jika industri filem bagus, tidak mustahil tiga tahun lagi kita mampu hasilkan 50 judul filem setahun.

PS: Akhir kata, apa misi seterusnya MMP?

DAVID: Kita bukan hendak bersaing dengan penerbit tempatan. Kita akan terus aktif buat filem dan jadikan negara ini sebagai ujian pasaran dan mencari pengalaman sebelum melangkah lebih jauh dengan menembusi filem di rantau Asean. Selepas berjaya di Brunei dan Singapura, kita mulakan di Indonesia dan selepas ini mahu terokai pasaran di Thailand, Filipina dan Vietnam. Tahun depan, MMP akan buat satu filem Thailand menerusi cawangan syarikat kami di sana. Kita akan buat filem yang guna bahasa Thai, pengarah dan pelakon Thai tetapi juga diselitkan beberapa pelakon dari Malaysia. Kita mahu kembangkan jenama Metrowealth dalam dunia filem rantau ini.